

Salbia Hassan & Mary Fatimah Subet (2008, Disember 1-3). Kekerabatan Bahasa Melanau dengan Bahasa Melayu. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Bahasa Melayu dalam Komunikasi Era Globalisasi, UMT, Terengganu.

Kekerabatan Bahasa Melanau dengan Bahasa Melayu.

Salbia Haji Hassan
&
Mary Fatimah Subet

Pensyarah
Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan, Sarawak
No. Tel: 082-581717/ 1716
No. Faks: 082-581781
E-mel: hsalbia@cls.unimas.my/ sufatimah@cls.unimas.my

Abstrak

Kajian ini meneliti taraf hubungan kekerabatan antara Dialek Melanau Mukah dengan Dialek Melanau Matu-Daro. Menurut Zaini (1986), Bahasa Melanau mempunyai 6 dialek yang berbeza berdasarkan kawasan penuturnya iaitu dialek Melanau Kuala Rejang, dialek Seduan, dialek Matu-Daro, dialek Mukah, dialek Balingian dan dialek Bintulu. Penentuan taraf kekerabatan kedua-dua dialek ini akan menggunakan kaedah perbandingan leksikostatistik 100 kosa kata dasar Swadesh (1955). Daripada perbandingan tersebut, peratusan kekerabatan kedua-dua dialek ini dapat diperoleh yang secara langsung dapat membuktikan sama ada kedua-dua dialek ini berstatus keluarga bahasa ataupun terangkum dalam dialek yang sama. Kajian ini juga dapat menentukan taraf kekerabatannya dengan bahasa Melayu yang merupakan capahan daripada induk yang sama, iaitu rumpun Austronesia.